



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpkm.gov.my

SIARAN MEDIA

**MESYUARAT JAWATANKUASA EKSEKUTIF MENGENAI DASAR
KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA BILANGAN 1 TAHUN 2025**

PUTRAJAYA, 15 APRIL 2025 – Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Keterjaminan Makanan Negara Bilangan 1 Tahun 2025 yang bersidang pada 14 April 2025 dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi. Mesyuarat ini berperanan untuk merangka cadangan hala tuju keterjaminan makanan negara yang lebih inklusif serta mencadangkan strategi berfokus Kerajaan dalam menangani isu keterjaminan makanan negara.

Mesyuarat pada kali ini memperincikan mengenai kesan peningkatan tarif yang dikenakan oleh Amerika Syarikat serta impaknya terhadap sektor agromakanan negara. Mesyuarat turut membincangkan beberapa inisiatif keterjaminan makanan seperti berikut:

- (i) membangunkan industri ruminan negara bagi mencapai Kadar Sara Diri (SSR) 25% menjelang 2030;
- (ii) melaksanakan reformasi bagi subsektor akuakultur menerusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta penggunaan teknologi moden;
- (iii) mengintegrasikan *Malaysian Food Composition Database* (MyFCD) sebagai komponen strategik dalam dasar keterjaminan makanan negara (dimensi kepenggunaan) di bawah RMKe-13 ; dan
- (iv) memaklumkan mengenai Pelaksanaan Pelan Tindakan Perubahan Iklim Sektor Perikanan 2024-2030.

Penghargaan turut dizahirkan terhadap sinergi strategik Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup kerana berjaya mengekang kenaikan harga, menjadikan tahun ini antara yang terbaik dalam sejarah kawalan harga menjelang musim perayaan.

Keterjaminan makanan merupakan tanggungjawab bersama dan satu keutamaan nasional. Justeru, kerjasama strategik antara semua pihak amat penting dalam memastikan Malaysia kekal teguh dalam mendepani cabaran keterjaminan makanan, demi kemampanan sistem makanan negara.

YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU

MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

15 APRIL 2025